

Melayu jadi kumpulan minoriti jika terus sengketa

Oleh Kadir Dikoh dan Daud Awang

MELAKA, Khamis – Orang Melayu di negara ini mungkin menjadi kumpulan minoriti seperti Melayu Singapura jika terus bersengketa sesama sendiri, tidak menguasai ilmu dan enggan bekerja dengan tekun.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kemungkinan itu tidak mustahil kerana orang Melayu di Malaysia nyaris menjadi minoriti pada 1930 apabila pendatang dari China dan India datang beramai-ramai untuk merebut peluang ekonomi di negara ini.

Katanya, pada 1925, 1926 dan 1927, kebanyakan kaum pendatang yang masuk ke negara ini untuk bekerja di lombong dan ladang getah mengatasi jumlah orang Melayu, yang enggan mere-

gai bidang termasuk ketenteraan.

Ketika diminta menjelaskan lanjut mengenai perkara itu dalam sidang akhbar kemudiannya, Dr Mahathir berkata, orang Melayu Malaysia juga tidak bekerja kuat dan sering 'berpe-rang' sesama sendiri.

"Sikap ini wujud kerana mereka berasa selamat. Jadi bila rasa selamat, kira nak berkelahi. Kita tak manjakan mereka, kita nak tolong tetapi benda yang kita nak tolong itu, dia salah guna," katanya.

Beliau menasihatkan masyarakat Melayu tempatan supaya bersikap rasional dan jangan semata-mata menentang apa saja yang dilakukan kerajaan untuk kebaikan mereka sendiri.

Sebagai contoh, apabila kerajaan menggalakkan penguasaan ilmu moden, ada pula menuduh langkah itu

kuatan dan kelemahan mereka serta musuh mereka supaya perjuangan mereka akan menghasilkan kejayaan.

"Yang diutamakan dan yang mendorong mereka ialah hanya untuk mem-belas dendam dan melepaskan geram iaitu mengikut nafsu dan tidak perhitungan akal fikiran," katanya.

Dr Mahathir berkata, realiti hari ini ialah orang Melayu sebagai orang Islam sedang diserang dan ditindas bukan kerana mereka bersalah, tetapi kerana mereka lemah, dengan kekuatan dalam dunia kini menghalalkan segala-galanya.

Katanya, mereka tidak boleh berharap kepada keadilan atau belas kasihan orang kerana tamadun Islam serta tamadun Melayu memang gemilang tetapi kegemilangan yang

but peluang pekerjaan.

Perdana Menteri berkata, mereka terselamat kerana kegawatan ekonomi pada 1930 yang memaksa ramai pendatang dari China dan India pulang semula ke tanah air masing-masing.

"Jika tidak kerana kegawatan ekonomi 1930, apabila ramai orang Cina dan India kembali ke tanah air, sampai 1945, jumlah orang Melayu tentu kurang daripada kaum lain. Kita hampir hilang Tanah Melayu.

"Sejarah ini harus memberi pengajaran kepada orang Melayu di negara ini. Mereka perlu bekerja bersungguh-sungguh bagi memastikan mereka cemerlang dalam semua bidang kegiatan.

"Kita harus jadi lebih baik daripada yang lain. Kalau jadi kuli pun, jadi kuli yang lebih baik daripada kuli lain. Bukannya saya meminta orang Melayu menjadi kuli," katanya pada sesi dialog Konvensyen Dunia Melayu Islam Ketiga, di sini hari ini.

Sebelum itu, seorang peserta dari Singapura telah meminta Perdana Menteri memberi nasihat kepada orang Melayu republik itu.

Dr Mahathir berkata, orang Melayu Singapura, seperti juga orang Melayu di negara ini perlu terus berusaha supaya menjadi lebih baik daripada kaum-kaum lain.

Katanya, sungguhpun ada pihak mendakwa kononnya Melayu Singapura lebih baik daripada Melayu Malaysia, hakikat yang dapat dilihat sekarang ialah Melayu Singapura tidak diberi peluang memegang jawatan tinggi dalam pelba-

sebagai sekular kerana mereka berpendapat orang Melayu harus tumpu semata-mata kepada pelajaran agama.

"Dengan itu orang Melayu tidak mempunyai kebolehan, mereka tidak cekap, mereka sudah tentu jadi miskin dan lemah. Bila miskin dan lemah, kita akan ditindas oleh orang," katanya.

Menjawab pertanyaan daripada peserta lain, beliau berkata orang Melayu kini tidak sedar bahawa mereka belum bebas daripada kemungkinan dijajah semula tetapi melalui cengkaman ekonomi oleh dunia Barat.

Katanya, mereka tidak perlu memberontak atau mengganas, sebaliknya apa yang penting ialah menguasai ilmu pengetahuan supaya mereka berjaya dan ini membantu memperkukuhkan ekonomi.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau berkata, umat Islam termasuk orang Melayu kini berada dalam zaman gelap dan mereka ditindas di mana-mana saja, dengan keadilan sudah tidak wujud lagi bagi mereka.

"Kerana mereka menolak ajaran Islam supaya menuntut ilmu dan menyedai diri untuk memper-tahankan Islam serta umat Islam hari ini, maka apabila umat Islam ditindas tidak ada pihak daripada mereka yang mampu memberi pertolongan.

"Kecewa dengan keadaan ini, ada yang mengambil tindakan ganas yang hanya mengundang penindasan yang lebih dahsyat. Tidak ada perancangan bijak dan strategi yang mengambil kira ke-

dulu hanya mencerminkan zaman kegelapan masa kini.

Beliau berkata, bangsa Melayu dan umat Islam seluruh dunia seharusnya sedar dan membuka mata seluas-luasnya untuk melihat keadaan hidup umat Islam yang ditindas serta diani-aya.

"Air mata kita tidak mengalir sekarang. Kita etnik Melayu sudah bebas. Tamadun kita sudah hidup semula. Tetapi memandangkan kecapaian etnik Melayu/Islam semasa, bukannya sesuatu yang mustahil kita akan mengalir air mata sekali lagi, menge-nang zaman ini.

"Kita boleh berbangga umat Islam berjumlah 1.3 bilion dan etnik Melayu 300 juta tetapi jumlah besar tidak menjamin kebebasan ummah dan tamadun. Orang Cina juga 1.3 bilion dan perpaduan serta kekuatan mereka berkali ganda lebih daripada umat Islam.

"Kita boleh salahkan orang tetapi tidak mungkin kita menyuruh mereka bertukar diri mereka supaya kita akan dapat manfaat daripadanya. Sebaliknya, kita berkuasa ke atas diri kita. Jika pembetulan hendak dibuat untuk kebaikan kita, kita sendiri yang perlu mengusahakannya," katanya.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut melancarkan eksposisi Perdagangan Dunia Melayu Dunia Islam serta menyaksikan majlis menandatangani dan pelan-caran Taman Sejarah dan Kebudayaan Melaka Marina & Menara Taming Sari di antara kerajaan Negeri Melaka dan WRA Global Group Sdn Bhd.

Polis adakan kawalan ketat

DARI MUKA 1

Christina Liew mengemukakan kertas pencalonan pada jam 9.42 pagi dengan dicadang oleh Ramlan Naim serta disokong oleh Fung Kong Min.

Turut mengiringi perarakan calon Keadilan ialah Presidennya, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Ketua Perhubungan Keadilan Sabah, Datin Saidatul Badru Said Keruak.

Kira-kira jam 10.15 pagi, seorang yang mendakwa sebagai penduduk Gaya, Mohd Amran Saidin, masuk ke pusat penamaan calon dengan diiringi pencadang dan penyokong, kononnya untuk mengemukakan kertas pencalonan.

Bagaimanapun, sejour masuk ke dewan, beliau memberitahu Pegawai Pengurus bahawa beliau menarik diri daripada bertanding. Keadaan ini menimbulkan sedikit kekeliruan kerana beliau belum pun menyerahkan kertas pencalonannya.

Dalam pada itu, Setiausaha Suruhanjaya Pilihanraya (SPR), Datuk Wan Ahmad Wan Omar, berkata proses penamaan calon berjalan lancar dan tiada sebarang kejadian buruk berlaku.

Anggota polis mengadakan kawalan ketat di sekitar tempat penamaan calon, manakala sebuah helikopter Unit Udara Polis memantau keadaan.

Wan Ahmad berkata, kecuali insiden seorang lelaki yang menarik diri sebelum menyerahkan kertas pencalonan, tiada kejadian lain yang menyebabkan masalah atau kekeliruan.

Beliau menyifatkan insiden itu pertama kali berlaku dalam sejarah pilihan raya kecil di negara ini.

Selain itu, beliau turut berharap setiap parti politik mematuhi kod dan tata-susila kempen yang sudah diedarkan SPR mengenai perkara 'boleh dan tidak boleh' dilakukan.

Pilihan raya kecil Parlimen Gaya diadakan selepas penyandanginya, Datuk Yong Teck Lee, hilang kelayakan berikutan keputusan Mahkamah Persekutuan pada 3 September lalu yang mengekalkan keputusan Mahkamah Rayuan.

Pada 6 Jun lalu, Mahkamah Rayuan menolak rayuan Yong yang sebelum ini didapati bersalah melakukan perbuatan rasuah mengikut peruntukan Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954, sekali gus menjejaskan kedudukannya sebagai Adun Likas dan Ahli Parlimen Gaya.

Pilihan raya kecil DUN Likas bagaimanapun tidak perlu diadakan kerana penggal pemerintahan kerajaan negeri sekarang hanya berbaki kurang dua tahun.

Kawasan Parlimen Gaya – merangkumi DUN Likas dan Inanam – mempunyai 49,427 pengundi, termasuk 76 pengundi pos.